



**IKLAN PENGAMBILAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN DG9
SECARA “CONTRACT OF SERVICE”
DI BAWAH JABATAN PENDIDIKAN ISLAM NEGERI TERENGGANU
TAHUN 2025**

Kerajaan Negeri Terengganu mempelawa calon yang berkelayakan, berpotensi, berminat dan beriltizam yang telah menamatkan pengajian dan memperoleh keputusan senat universiti pada tarikh tutup hebahan ini untuk mengisi jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG9 secara “**Contract Of Service**” di Jabatan Pendidikan Islam Negeri Terengganu (JPINT).

| | |
|----------------------|--|
| 1. Jawatan | : Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG9 |
| Taraf Jawatan | : Kontrak (Contract Of Service) |

2. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

Calon-calon hendaklah:

- 2.1 Warganegara Malaysia dan Rakyat Negeri Terengganu Darul Iman (*);
- 2.2 Sihat tubuh badan;
- 2.3 Umur tidak melebihi 40 tahun pada 1 Januari 2025;
- 2.4 Memiliki kelulusan akademik:
 - 2.4.1 **Ijazah Sarjana Muda** dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan serta memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
 - 2.4.2 **Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian** dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan serta memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
 - 2.4.3 Pemohon perlu mengemukakan surat pengiktirafan Ijazah daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) semasa membuat permohonan secara dalam talian.
- 2.5 **Wajib** mendapatkan Dos Imunisasi COVID-19 yang lengkap.

(*).Bagi calon bukan rakyat Terengganu perlu mengemukakan Surat Akuan Menjadi Rakyat (Undang-Undang Taraf Kebangsaan Negeri Terengganu. Peraturan 8(2)) atau kad pengenalan bapa (rakyat Terengganu)

3. CARA MENGEMUKAKAN PERMOHONAN

- 3.1 Permohonan boleh dibuat secara dalam talian melalui laman sesawang <http://jheat.terengganu.gov.my> atau dengan melayari <http://facebook.com/JabatanPendidikanIslamNegeriTerengganu> mulai **16 Januari 2025 (Khamis)**.
- 3.2 Calon dikehendaki untuk memilih **SATU (1)** aliran sahaja (UMUM atau AGAMA) bagi permohonan jawatan ini. Sekiranya didapati calon mengisi kedua-dua pilihan, permohonan tersebut akan **ditolak** dan tidak akan dipertimbangkan.
- 3.3 Permohonan yang tidak lengkap dan tidak teratur akan **ditolak**.
- 3.4 Calon yang didapati memberi maklumat yang salah/ tidak benar/ memanipulasi maklumat dalam permohonan akan diambil tindakan dengan menarik balik surat tawaran dan dikenakan tindakan undang-undang. Maklumat ini akan disemak secara terperinci pada hari temu duga, semasa lapor diri bertugas dan selama tempoh kontrak.
- 3.5 Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk menduduki Ujian Pengetahuan Am & Daya Berfikir sebelum di temu duga bagi jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG9 secara “*Contract Of Service*”.
- 3.6 Calon boleh membuat semakan status permohonan bagi saringan seterusnya melalui laman sesawang <http://jheat.terengganu.gov.my> dan <http://facebook.com/JabatanPendidikanIslamNegeriTerengganu> .
- 3.7 Hanya calon yang melepassi tapisan serta memenuhi syarat sahaja akan dipertimbangkan untuk panggilan temuduga mengikut opsyen yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melantik (PBM) dan keputusan panggilan ujian atau temuduga adalah **MUKTAMAD**. Sebarang rayuan tidak akan dilayan.

4. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

30 Januari 2025 (Khamis), sebelum jam 3.00 petang.

Sebarang pertanyaan berkenaan permohonan ini, sila berhubung dengan Pegawai di Jabatan Pendidikan Islam Negeri Terengganu, di talian **09-6252525** (Bahagian Pengurusan Sumber Manusia)

Bertarikh: 16 Januari 2025

(*)Bagi calon bukan rakyat Terengganu perlu mengemukakan Surat Akuan Menjadi Rakyat (Undang-Undang Taraf Kebangsaan Negeri Terengganu. Peraturan 8(2)) atau kad pengenalan bapa (rakyat Terengganu)